



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
KENYATAAN MEDIA

PELUNCURAN DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hari ini telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (Draf PTKL2040) bertempat di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Draf PTKL 2040 merupakan kerangka utama terhadap pelan pembangunan Kuala Lumpur yang disediakan bagi menterjemah visi serta matlamat yang digariskan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) yang telah diwartakan pada 19 Oktober 2023. Draf PTKL 2040 ini secara khusus memberikan penekanan terhadap perancangan cadangan zon guna tanah dan intensiti pembangunan secara spesifik ke atas setiap lot tanah di Kuala Lumpur.

Draf PTKL 2040 kini boleh disemak oleh orang ramai, bermula dari 31 Januari 2024 sehingga 1 Mac 2024, di Menara DBKL 1 dan 3 serta pameran bergerak yang akan diadakan di 11 kawasan parlimen di Kuala Lumpur. Warga kota dipelawa untuk memberikan sebarang pandangan atau cadangan di lokasi pameran atau secara atas talian di laman sesawang <https://ppkl.dbkl.gov.my/e-pandangan/>. DBKL juga akan mengadakan sesi taklimat di tingkat 30, Menara DBKL 1 pada tarikh yang akan diumumkan kelak.

Mukasurat | 1



dbkl2u



dewanbandarayakualalumpur



dbkl2u



dbkltv



dbkl.tt

Informasi Berkenaan Draf PTKL 2040

Draf PTKL2040 dibahagikan kepada 2 jilid, di mana Jilid 1 adalah berkaitan mengurus perancangan bandar, manakala Jilid 2 pula berkaitan menggalakkan pembangunan bandar diatur dengan anjakan kebergantungan perancangan spatialnya, daripada berasaskan jalan raya kepada menjadikan jaringan rel sebagai tulang belakang pembangunan Kuala Lumpur.

Menyentuh kepada Jilid 1 Draf PTKL 2040, laporan ini telah disediakan dalam tiga bahagian di mana bahagian pertama menfokuskan kepada empat aspek iaitu pentafsiran zon guna tanah, penentuan alat kawalan intensiti pembangunan, penetapan lapisan kawalan perancangan dan penghuraian insentif-insentif perancangan sebagai galakkan pembangunan Kuala Lumpur.

Empat aspek ini pula seterusnya diterjemahkan dalam bentuk peta zon guna tanah dan peta intensiti pembangunan yang ditunjukkan dalam bahagian kedua Jilid 1. Bahagian Ketiga Jilid 1 pula menyentuh secara khusus bentuk atau aktiviti pembangunan yang boleh dibenarkan, tidak dibenarkan atau dibenarkan tetapi tertakluk kepada syarat-syarat perancangan dalam memastikan keharmonian dan keseimbangan sesuatu pembangunan dengan persekitarannya.

Jilid 2 Draf PTKL 2040 merupakan kerangka yang disediakan dalam menetapkan justifikasi terhadap kawalan bagi peta zon guna tanah dan intensiti pembangunan yang dicadangkan. Jilid 2 juga merupakan dokumen pelan tempatan yang menterjemah enam matlamat yang telah digariskan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040. Mengambil kira aspe-aspek yang dinyatakan, Draf PTKL 2040 telah menetapkan konsep perancangan spatial Kuala Lumpur akan ditunjangi oleh lima teras utama yang terdiri daripada :

- i. Penetapan zon kawalan pembangunan yang memfokuskan kepada bentuk, aktiviti serta intensiti pembangunan;

M u k a s u r a t | 2



dbkl2u



dewanbandarayangkualalumpur



dbkl2u



dbkltv



dbkl.tt

- ii. Penyusunan taburan pusat-pusat pertumbuhan bandar berdasarkan fungsi dan kapasiti daya tampung infrastruktur;
- iii. Penguksuhan kebergantungan kepada jaringan pengangkutan awam terutamanya berasaskan rel dan pembangunan padat di stesen transit;
- iv. Pembentukan jalur hijau dan biru melalui pembentukan nodus ekologi bandar; serta
- v. Pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan khas yang terdiri dari kawasan berbukit mahupun kawasan-kawasan berisiko bencana ke arah pembentukan Kuala Lumpur yang lebih berdaya tahan.

Perkara Baharu Draf PTKL 2040

Draf PTKL 2040 turut memperkenalkan beberapa elemen baharu berbanding pelan sedia ada, antara elemen baharu yang diperkenalkan adalah penyusunan semula dan penetapan baharu zon guna tanah seperti pengenalan zon khusus bagi kediaman mampu milik.

Selain itu, pengenalan kepada alat kawalan intensiti berdasarkan nisbah plot bagi semua bentuk pembangunan termasuk kediaman yang merupakan kaedah terbaik dalam membuka ruang kepada pembangunan yang lebih berdaya huni serta mampu berinteraksi dengan keperluan pasaran merentasi masa turut dibawa masuk sebagai elemen baharu di dalam PTKL 2040.

Elemen baharu yang dibawa masuk di dalam PTKL 2040 adalah dengan mengambil kira peningkatan komposisi warga emas dan penurunan kadar isirumah menjelang 2040, perubahan demografi penduduk selain faktor harga tanah yang semakin tinggi turut menuntut kepada pembinaan ruang kediaman yang lebih fleksibel. Selain norma pekerjaan secara atas talian juga antara faktor yang perlu diberikan perhatian dalam perancangan dan pembangunan masa hadapan Kuala Lumpur.

Pelbagai insentif perancangan merujuk kepada pembangunan semula, insentif cantuman lot, pembangunan di stesen transit serta pembangunan perumahan mampu milik juga turut diperkenalkan sebagai galakkan ke arah memastikan isu-isu perbandaran seperti pembangunan usang, kawasan

dengan infrastruktur *sub-standard* serta galakkan pembangunan secara komprehensif mampu dilaksanakan.

Langkah ke Hadapan (Way Forward) Draf PTKL 2040

Selepas sesi pengemukaan pandangan dan cadangan Draf PTKL2040 ini selesai, Draf PTKL 2040 ini dijangka akan diwartakan pada suku pertama 2025 mengambilkira pelaksanaan Sesi Pendengaran dan Pandangan Awam (PPA), pelaksanaan Pindaan Draf PTKL 2040 selaras pengesyoran berdasarkan kepada penemuan dari sesi PPA, penelitian oleh Lembaga Penasihat Perancangan di peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan serta kelulusan Menteri dan akhirnya pewartaan bagi tujuan pemakaian.

Unit Media

Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
30 Januari 2024
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

